

Headline	Tandas bersih dapat pendingin hawa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	34	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,622
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,866



Tandas bersih dapat pendingin hawa



Ahmad (tiga dari kiri) merasmikan PK Comey di Medan Ilmu semalam.

KOTA BHARU - Masjid di negeri ini yang mempunyai tandas bersih diberi keutamaan menerima pendingin hawa.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob berkata, kerajaan negeri menerima banyak permohonan untuk kemudahan itu.

Bagaimanapun katanya, permohonan akan ditunaikan jika pengurusan masjid dapat mengekalkan kebersihan tandas.

“Usaha ini selari dengan teguran Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai keadaan tandas di seluruh ne-

gara yang dilihat masih kotor dan tidak selesa.

“Kalau tandas tidak OK kita tidak akan bagi pendingin hawa,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan PasarKu (PK) Comey di Medan Ilmu semalam.

Menurutnya, kerajaan negeri telah melakukan pelbagai program dan kempen kesedaran kebersihan bagi penggal ini.

Katanya, kerajaan berharap kebersihan bukan hanya menjadi amalan di kawasan tumpuan orang ramai malah dalam lokasi perumahan penduduk.

Pada majlis sama, beliau turut menyaksikan bacaan ikrar daripada peniaga di Medan Ilmu bagi merealisasikan kempen PK Comey yang dilaksanakan di kawasan tersebut selama sebulan.

PK Comey adalah kempen kebersihan membabitkan 3,900 peniaga pasar tani, pasar malam dan pasar pagi di seluruh daerah ini.

Kempen PK Comey yang pertama dilaksanakan di Pasar Parit Dalam dan mendapat sambutan selain berjaya memberi kesedaran kepada penduduk.